



# Musafir

## Ramadan

» Lumrah pelajar antarabangsa  
**yang lanjut pengajian di Malaysia**

Oleh Basir Zahrom

basir\_zahrom@mediaprima.com.my

► Serdang

**B**erjauhan daripada keluarga ketika menjalani ibadat puasa mungkin sukar bagi mereka yang menghadapinya kali pertama.

Namun, itu lumrah bagi pelajar antarabangsa yang melanjutkan pe-

ngajian di negara ini.

Pelajar dari Yaman, Ahmad Yahya Mohamed Musa, 32, berkata sepanjang tujuh tahun berada di negara ini, beliau bukan saja sudah biasa berpuasa dengan masyarakat tempatan, malah pernah tiga kali merayakan Aidilfitri di Malaysia.

• Varsiti 2

# Ibadat sunat

## ● Dari muka 1

Beliau yang melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Pembangunan Sumber Manusia di Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, Ramadan di negara ini disambut meriah dengan orang Islam berlumba-lumba mengerjakan ibadat sunat seperti solat tarawih dan bersedekah selain persiapan hari raya.

“Di sini, bazar Ramadan ada di mana saja dan menjual makanan dalam skala yang besar. Pelbagai juadah boleh dinikmati untuk berbuka.

“Saya suka membeli makanan di bazar Ramadan Seri Serdang terutama kuih seri muka dan ayam goreng kunyit.

### Macam rendang

“Di Yaman, saya sukakan ‘salta’ sejenis masakan seperti rendang di sini yang dimakan dengan roti.

“Jika tidak balik ke Yaman untuk hari raya, saya menghadiri rumah

terbuka kawan beragama Islam sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya,” katanya yang juga Felo Kolej ke-17 UPM.

Pelajar PhD Kejuruteraan Fotonik dan Gentian Optik UPM dari Iraq, Yusser Ali Al-Qazwini, 24, pula berbuka menyambut Ramadan di Iraq dengan Malaysia memang jauh bezanya.

Beliau yang berada di Malaysia sejak 2006 berkata, cuacanya di negara ini lebih baik dan persekitarannya lebih hijau manakala di Iraq panas serta diliputi padang pasir.

### Memasak di rumah

Katanya, keadaan itu menjadikan penduduk Iraq lebih senang memasak di rumah ketika Ramadan.

“Sejak tujuh tahun lalu saya sudah tidak pulang ke kampung kerana ibu dan kakak menemani saya di sini.

“Tiada masalah mengenai makanan kerana ibu rajin memasak makanan Arab yang ramuannya

boleh didapati sekitar Serdang dan Kuala Lumpur.

“Bagaimanapun, saya tetap rindu dengan manisan seperti ‘kunafa’ dan ‘awamat’ kerana sudah menjadi kebiasaan masyarakat Arab memakan manisan selepas makan nasi, katanya yang mengunjung bandar lain di negara in bersama dengan keluarga ketika Aidilfitri.

### Moreh Jimat belanja

Bagi pelajar Sarjana Perniagaan Tani dari Indonesia Ilmas Abdurofi Masam 27, masjid dan surau yang mengadakan moreh juga menarik perhatiannya.

“Jika di Jakarta hanya beberapa masjid besar saj mengurangkan moreh Namun, di sini semua surau dan masjid mengadakan nya.

“Sebagai pelajar, kita boleh menjimatkan belanj selain beribadat di masjid.

“Saya juga mengambil kesempatan berada di Malaysia untuk membuat persiapan hari raya dengan membeli pakaian bersama-sama isteri yang datan melawat sebelum pulang ke Indonesia,” katanya yang berkahwin dua bulan lalu



Sebahagian daripada pelajar antarabangsa UMP yang menjalani ibadat puasa.

